

# RM3,000

## juara futsal USIM

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjemput orang ramai menyertai Kejohanan Futsal Lelaki Terbuka anjurannya bersempena Pesta Konvokesyen USIM yang bermula pada Jumaat ini.

Menurut penyelaras acara, Shafik Ezdee, USIM meneruskan tradisi 11 tahun penganjuran dengan menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM3,000 kepada johan pertandingan.

"Tempat kedua akan membawa pulang wang tunai RM2,000 manakala tempat ketiga RM700," katanya di sini hari ini.

Tambahnya, kejohanan tahun ini dilihat lebih menarik kerana turut menawarkan hadiah berupa wang tunai sebanyak RM200 kepada pasukan bagi pemenang tempat keempat hingga kelapan.

Perlawanan peringkat kumpulan akan diadakan Sabtu ini manakala peringkat pusingan kalah mati kesokan harinya.

"Penyertaan adalah terhadap kepada 60 pasukan dan pendaftaran masih lagi dibuka. Pasukan yang menyertai acara ini akan turut menerima naskhah Utusan Malaysia secara percuma pada hari pertandingan," katanya.

Selain kerjasama Kumpulan Utusan, Kejohanan Futsal Lelaki Terbuka kali ini turut mendapat tajaan daripada syarikat pembekal alatan sukan Admiral, Mermaid Inn Beach Resort, Malaysia Futsal Associate dan MyKad Smartshopper.

Mereka yang ingin mendapat maklumat lanjut boleh menghubungi Nurul Nadia Roslan di talian 013-3755484; Fara Amira, 013-6915994 atau melayari laman Facebook Futsal Cfest USIM.